

UMS terbit buku 'Mengimbau Dunia' koleksi Raya Erom

UB 30.05.2022 P.16

Mengisahkan perjalanan aktivis seni yang cukup berdedikasi

KOTAKINABALU: Sebuah buku terbitan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bertajuk Mengimbau Dunia koleksi Datuk Raya Erom dilancarkan di Galeri Azman Hashim (GAH) di sini kelmarin.

Buku yang ditulis Prof. Madya Dr. Baharudin Mohd Arus ini mengisahkan perjalanan aktivis seni yang cukup berdedikasi berasal dari Kampung Selupoh Tuaran Datuk Raya Erom.

Baharudin berkata, buku berkenaan dihasilkan selama dua tahun bermula 2019 sebelum pandemik COVID-19 melanda negara.

"Ia memuatkan 180 karya seni Datuk Raya Erom yang terbahagi kepada beberapa elemen seni seperti garisan, jalinan, bentuk, ruang dan warna.

"Aliran karya beliau adalah naif abstrak ekspresionisme dan berkonsepkan feminisme aliran berkaitan dengan hal gender.

"Apa yang ingin diangkat oleh pelukis (Datuk Raya) juga adalah seperti tujuan ahli falsafah Tolstoy, Aristotle dan Al Rumi yang mengajarkan seni lukis mesti mencapai matlamat mendekatkan manusia kepada perkara-perkara kebaikan dalam hidup dan juga ketuhanan," katanya.

Baharudin yang juga pesara Pensyarah Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF) UMS berkata demikian ketika dihubungi selepas pelancaran buku.

Sementara itu, Raya memaklumkan bahawa beliau



RASMI: Coswald (kiri) memalu gong sebanyak tiga kali sebagai simbolik pelancaran buku sam-bil disaksikan Baharudin (dua kiri), Raya Erom (kanan) dan Pengarah GAH UMS, Sarlona Jasne Gindug (dua kanan).

sebenarnya masih mempunyai pelbagai karya seni yang tidak dimuatkan dalam buku itu kerana ia tidak berada dalam simpanannya.

"Sebahagian besar bilangan karya yang lain sudah terjual kepada kolektor, hadiah kepada badan amal dan orang perseorangan.

"Karya yang terdapat dalam buku ini adalah hasil luahan rasa serta persepsi seni yang diharap dapat dinikmati serta menjadi kebaikan kepada khalayak seperti pepatah Inggeris yang diambil daripada puisi John Keats 'A thing of beauty is joy forever',"

katanya.

Raya turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang menyokong beliau sehingga buku setebal 278 muka surat itu berjaya diterbitkan.

"Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada individu serta badan tertentu yang banyak membantu kela-hiran buku ini.

"Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada suami saya, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh Said Keruak, beliau merupakan penyokong utama yang sentiasa men-

jadi tunggak utama bagi saya menghasilkan karya seni visual yang kebanyakan termuat di buku ini.

"Tidak lupa juga penasihat karya saya, Profesor Emeritus Datuk Dr Haji Ghous Nasaruddin dan yang teris-timewa penulis buku ini, Prof. Madya Dr. Haji Baharudin Haji Mohd Arus," katanya.

Majlis pelancaran buku itu disempurnakan Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UMS Prof. Dr. Coswald Stephen Sipaut @ Mohd. Nasri yang mewakili Naib Canselor UMS.